



## **LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

**ISNIN / 13 NOVEMBER 2023**

- 1. 'KAJI HARGA SILING RM3.20 SEKILOGRAM' – KOSMO**
- 2. HPPNK 2023 CATAT TRANSAKSI RM2.7 JUTA DALAM TIGA HARI – KOSMO**
- 3. KEDAH ASSOCIATION PROPOSES 20 SEN CEILING PRICE HIKE ANNUALLY – NEW STRAITS TIMES**
- 4. HARGA BERAS TEMPATAN DICADANG RM3.20 SEKILOGRAM, GULA RM3.80 – UTUSAN MALAYSIA**
- 5. 112,260 KAMPIT BENIH PADI ATASI MASALAH BEKALAN – UTUSAN MALAYSIA**
- 6. KEPUTUSAN BELUM PASTI – HARIAN METRO**
- 7. KERAJAAN KAJI KESAN NAIKKAN HARGA BERAS TEMPATAN – BERITA HARIAN**
- 8. LANGKAH BANTU PETANI TANGANI PENINGKATAN KOS – BERITA HARIAN**
- 9. TIMBA 1001 ILMU BAHARU SEMPENA HPPNK 2023 – SINAR HARIAN**
- 10. HPPNK CATAT JUALAN HAMPIR RM3 JUTA – SINAR HARIAN**
- 11. KAGUM LIHAT JENTERA MODEN PERTANIAN – SINAR HARIAN**
- 12. SYOR NAIKKAN HARGA SILING BPT DIKAJI – SINAR HARIAN**
- 13. SEED STRATEGY BOLSTERS SUPPLY – THE STAR**
- 14. 'CEILING PRICE CALL FOR LOCAL WHITE RICE TO INVOLVE OTHER MINISTRIES' – THE STAR**

**DISEDIAKAN OLEH:**

**CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT (MADA)**

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

Empat kementerian bincang cadangan naikkan harga beras putih tempatan

## 'Kaji harga siling RM3.20 sekilogram'

Oleh ASLIZA MUSA

**IPOH** - Satu perbincangan berkaitan cadangan menaikkan harga siling beras putih tempatan (BPT) daripada RM2.60 sekilogram kepada RM3.20 sekilogram sedang dijalankan melibatkan empat kementerian.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, empat kementerian itu ialah KPKM, Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Perbincangan ini diadakan bagi memastikan tiada pihak yang terbeban sekiranya cadangan itu dilaksanakan. Harga sekarang (BPT) adalah harga sejak 2008, jadi ada pihak mengatakan harga itu perlu dikaji semula.

"Kita akan tengoklah (kaji dahulu), jika berlaku (kenaikan), bebannya bukan kepada satu pihak



**MOHAMAD (dua dari kiri) ketika menghulurkan beras kepada salah seorang pembeli ketika Jualan Kombo Madani di HPPNK 2023 di Bandar Meru Raya, Ipoh semalam.**

sahaja. Kita perlu pertimbangkan bebanan yang dihadapi penanam padi, pemborong, pengilang dan pengguna sendiri," katanya.

Bellau ditemui ketika menghadiri Jualan Kombo Madani sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) di Bandar Meru Raya, di sini semalam.

Jelasnya, sebarang keputusan berkait kenaikan harga BPT perlu memberi situasi menang-menang kepada semua pihak.

"Di pihak KPKM, kita memang selalu bermesyuarat dan berbincang berkaitan isu ini. Apa yang penting, kita mahu 'win-win' untuk semua pihak," katanya.

Terdahulu, Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram ketika ini bagi menjaga masa depan semua pihak yang terbabit dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## HPPNK 2023 catat transaksi RM2.7 juta dalam tiga hari



**ORANG ramal membanjiri Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 di Ipoh semalam. – IHSAN BAHAGIAN INDUSTRI MAKANAN DAN ASAS TANI**

**IPOH** – Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) anjuran Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan merekodkan transaksi berjumlah RM2,675,607 sepanjang tiga hari penganjurannya.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, jumlah transaksi itu dicatatkan setakat pukul 12 tengah hari semalam iaitu hari terakhir penganjurannya.

"Transaksi ini membuktikan rakyat Malaysia berkunjung di HPPNK untuk mendapatkan barangan keperluan asas yang dijual dengan harga berpatutan selain menikmati setiap fokus dan segmen yang ditawarkan," katanya dalam ucapan Majlis Penutupan HPPNK 2023 di Bandar Meru Raya, di sini semalam.

Menurutnya, sepanjang tem-

poh itu juga, HPPNK berjaya mencatatkan 452,647 pengunjung yang hadir secara fizikal, manakala 36,015 orang pula secara dalam talian, menjadikan jumlah keseluruhan pengunjung seramai 488,662 orang.

Katanya, kunjungan menggalakkan itu melebihi sasaran awal yang ditetapkan seramai 350,000 pengunjung.

"Saya yakin, sehingga malam nanti, kehadiran pengunjung akan melebihi 500,000 orang. Kehadiran pengunjung ini adalah bukti dan iltizam kerajaan Perpaduan dalam menghargai segala jasa dan sumbangan para peladang, penternak dan nelayan.

"Sesungguhnya, mereka adalah wira negara yang sentiasa berusaha untuk memastikan bekalan makanan negara sentia-

sa cukup dan terjamin," ujarnya. Jelasnya, pengisian baharu pada HPPNK 2023 yang menarik minat dan memukau pengunjung adalah Madani Agro Light yang mempamerkan pelbagai kenderaan dan aset digunakan jabatan dan agensi di bawah KPKM yang dihias lampu dan dekorasi.

Selain itu katanya, pelbagai produk jualan keperluan asas dan produk hasil pertanian melalui Jualan Agro Madani, empayar makanan, produk pertanian dan industri asas tani, buah-buahan serta florikultur juga menarik perhatian pengunjung.

"Sepanjang tiga hari ini, ada 3,000 bakul agromadani dengan lebih 9000 kampil beras dijual RM26 sekampil dan 270,000 biji telur serta 200 lot gerai menarik pengunjung datang," katanya

**KERATAN AKHBAR : NEW STRAIT TIMES**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

**LOCAL WHITE RICE**

# Kedah association proposes 20 sen ceiling price hike annually

**KUALA LUMPUR:** The proposed increase of the ceiling price for local white rice is timely, considering the rising farming costs, but it should be done in stages. Kedah Consumer Association president Yusrizal Yusoff said while the association supported

the government's plan to review the ceiling price, it should not involve any drastic increase. It would help farmers in the hardcore poor demographic who had chosen to continue working to produce rice for the country, he said.

"The local white rice ceiling price, currently at RM2.60, was last reviewed more than a decade ago. It was previously set at RM2.30. "The difference was not so huge — the maximum price of local white rice is now RM26 for 10kg.

"If the price of rice soared to more than RM40 per 10kg, then the people would definitely be unhappy, as what happened with imported rice."

Yusrizal said while he agreed with the proposed ceiling price of RM3.20 per kg for local white rice, it should be done in stages, maybe with a 20 sen annual increase, so as not to burden the consumers.

At the same time, he said the government should focus on increasing the people's income and economic status.

"We can't stop the rising costs, so it is important that we im-

prove the people's income so that everyone can live comfortably.

"In this regard, we hope that the government would further review the minimum wage of RM1,500."

Yesterday, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said the government would review a proposal by the Padi and Rice Regulatory Division to increase the local white rice ceiling price to protect the future of all parties in the supply chain, especially farmers.

He said the recommendation would be discussed by his ministry with the Finance Ministry and Economy Ministry because the last time the local white rice ceiling price was reviewed was in 2008.

"We should also consider the fate of rice farmers, wholesalers, manufacturers and consumers"


Mohamad told a press conference after attending the Madani Agro Sales in conjunction with the National Farmers, Breeders and Fishermen's Day at Bulatan Sultan Azlan Shah here yesterday.

The increase in the local white rice ceiling price is important to prevent local rice piles as manufacturers are no longer interested in continuing to purchase rice due to the low prices.

The situation can occur when manufacturers focus on selling imported white rice because it is more profitable.

Padi and Rice Regulatory Division director-general Datuk Azman Mahmood said the RM2.60 ceiling price for local white rice had not been revised even though the national minimum wage had been raised twice in 15 years.

Mohamad added that it was important to find a win-win situation for all parties.



	SUBUH <small>(am)</small>	SYURUK	ZUHUR	ASAR <small>(pm)</small>	MAGHRIB	ISTAK
Melaka	5:44	6:55	12:58	4:19	6:57	8:09
Penang	5:55	7:05	1:05	4:26	7:01	8:13
K. Lumpur	5:48	6:57	1:00	4:22	6:58	8:11
Johor Baru	5:37	6:48	12:52	4:13	6:52	8:04
Kuantan	5:42	6:53	12:55	4:16	6:53	8:05
Ipoh	5:52	7:00	1:03	4:24	6:59	8:11



# Harga beras tempatan dicadang RM3.20 sekilogram, gula RM3.80

Oleh **JUANI MUNIR ABU BAKAR** dan **ASLIZA MUSA**  
utusannews@mediamulia.com.my

**IPOH:** Kerajaan mungkin menaikkan harga beras putih tempatan dan gula tidak lama lagi tetapi bagaimanapun akan memastikan langkah itu tidak membebaskan rakyat.

Langkah itu diambil ekoran harga beras sudah lama tidak dinaikkan manakala gula pula, pihak industri mengalami kerugian kerana peningkatan harga gula dunia.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perbincangan berkaitan cadangan menaikkan harga suling beras putih tempatan (BPT) daripada RM2.60 sekilogram kepada RM3.20 sekilogram sedang dijalankan melibatkan empat kementerian.

Katanya, empat kementerian itu ialah KPKM, Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi dan Kementerian Perdagangan



**MOHAMAD Sabu menunjukkan beras yang dijual sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) di Ipoh, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD NAZREEN SYAH MUSTHAFA**

dan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Harga sekarang adalah harga sejak tahun 2008, jadi ada pihak mengatakan harga itu perlu dikaji semula.

"Kita akan kaji dahulu, jika berlaku kenaikan, bebannya bukan kepada satu pihak sahaja. Kita perlu pertimbangkan bebanan yang dihadapi penanam padi, pemborong, pengilang dan

pengguna sendiri," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika menghadiri Jualan Kombo Madani sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) di Bulatan Sultan Azlan Shah di Bandar Meru Raya, di sini semalam.

Mengulas lanjut beliau berkata, sebarang keputusan berkaitan kenaikan harga BPT perlulah memberi situasi menang-menang kepada semua pihak.

Terdahulu, Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga suling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram ketika ini bagi menjaga masa depan semua pihak yang terabit dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, penetapan harga suling BPT pada RM2.60 tidak disemak sejak 15 tahun lalu walaupun gaji minimum sudah dinaikkan sebanyak dua kali

dalam tempoh itu.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh berkata, pihaknya telah mengadakan bersama pelbagai pihak termasuk pengeluar gula dan peniaga mikro bagi mencari jalan terbaik bagi menyelesaikan isu harga gula.

Tanpa memperincikan butiran perbincangan, beliau berkata, kerajaan telah melihat situasi dan beban dialami pengeluar gula, namun pada masa sama tidak mahu membebaskan peniaga mikro yang merupakan pengguna terbesar barangan keperluan tersebut.

"Jika naikkan harga gula, kita kena lihat kesannya kepada rakyat. Mungkin bakal berlaku kenaikan harga makanan dan minuman setelah peniaga berdepan kos pertambahan harga gula.

"Namun perbincangan ini dalam peringkat akhir dan satu keputusan menang-menang bakal diumumkan dalam masa terdekat. Tengok dahulu langkah penyelesaian ini yang dimuktamadkan tidak lama lagi," katanya ketika dihubungi semalam.

Cadangan kenaikan harga gula itu timbul ekoran wujud gesaan supaya kerajaan mengasing atau menaikkan harga suling runcit gula daripada RM2.85 sekilogram kepada RM3.80 kerana pengeluar kini terpaksa berdepan kerugian 88 sen setiap kilogram memandangkan terpaksa mengimport gula mentah dari luar negara.

Dua syarikat gula tempatan iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) dan Central Sugars Refinery Sdn. Bhd. (CSR) mengalami kerugian sebanyak 88 sen setiap satu kilogram gula dikeluarkan.

Mereka pernah memohon untuk menaikkan gula pada 2021 kerana kerugian yang terpaksa ditanggung, namun ditolak kerajaan pada waktu tersebut.

Fuziah berkata, semua pihak juga perlu memahami kesan yang bakal dihadapi rakyat jika berlaku kenaikan harga yang secara tidak langsung menambah kos sara hidup dan kesan inflasi.

"Tetapi kita perlu melihat masalah dihadapi pengeluar gula apabila kos import gula telah meningkat setelah India menyekat eksport ke luar negara, jadi mereka perlu bawa masuk dari negara lain seperti Brazil," katanya.

## LIPATAN SEJARAH

### PORIM hasilkan ais krim daripada lemak sawit

PADA 13 November 1985, *Utusan Malaysia* melaporkan Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) berjaya menghasilkan ais krim dan kek daripada lemak sawit dan bakal dikomersialkan tahun hadapan sekiranya diluluskan

oleh SIRIM.

Menurut Pengurus Makmal PORIM, Karimah Ahmad, hasil yang dicapai menerusi penyelidikan yang dilakukan selama dua tahun lalu merupakan satu kejayaan terbaharu yang dilakar PORIM.

#### ANTARA PERISTIWA LAIN YANG MENARIK

● **13 November 1982**

Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Perlis menubuhkan sebuah koperasi untuk balu dan janda-janda dalam negeri ini untuk menyatukan tenaga mereka menjalankan kegiatan ekonomi.

● **13 November 1983**

Sasterawan Negara, Azizi Hj. Abdullah berpendapat, persembahan boria menjadi salah satu kesenian rakyat di Pulau Pinang sebagai persembahan melindungi kesengsaraan orang Melayu.

● **13 November 1984**

Kumpulan rock 'The Search' yang semakin dikenali menandatangani kontrak dengan Polygram untuk menerbitkan album sulung mereka.



Dapatkan maklumat lanjut di Pusat Maklumat dan Arkib Media Mulia Sdn Bhd. Untuk pertanyaan atau pembelian bahan-bahan arkib sila hubungi kami di 03-74556428 atau emel [infocenter@mediamulia.com.my](mailto:infocenter@mediamulia.com.my)

KERATAN AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

TARIKH : 13 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

# 112,260 kampakit benih padi atasi masalah bekalan

Oleh ARIF AIMAN ASROL  
aiman.asrol@mediamula.com.my

**PETALING JAYA:** Kerajaan meluluskan kuota tambahan sebanyak 112,260 kampakit 20 kilogram (kg) benih padi sah (BPS) bagi menangani masalah bekalan yang dihadapi pesawah terutama di Kedah dan Perlis.

Timbalan Menteri Pertanian Dan Keterjaminan Makanan, Datuk Chan Foong Hin berkata, kuota tambahan BPS itu di edarkan kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) serta pesawah di Kedah dan Perlis bermula Jumaat lalu.

Kata beliau, sebelum ini kerajaan turut mengeluarkan surat arahan penjualan BPS secara terus kepada PPK dan pesawah yang mana ia berkuat

kuasa 11 Oktober lalu bertujuan memastikan bekalan mencukupi untuk musim penanaman.

"Kerajaan memantau dan mengawal ketat proses kelulusan ladang dan makmal terhadap 12 pengeluar benih padi sah berdasarkan prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan sebelum BPS ini dijual kepada pesawah," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Beliau mengulas laporan akhbar ini pada 10 November lalu berhubung isu pesawah terutama di Perlis dan Kedah mungkin tidak dapat menanam padi musim ini berikutan isu kelewatan dan ketiadaan bekalan benih yang masih belum ada tanda-tanda untuk selesai.

Foong Hin berkata, selain memastikan bekalan BPS mencukupi, kementerianya juga memantau harga supaya ia dijual pada kadar berpatutan.

Katanya, penetapan harga maksimum jualan BPS bagi setiap kampakit 20kg adalah RM40 di pintu kilang syarikat pengeluar dan RM45 bagi harga runcit.

"Penetapan harga ini dibuat melalui Perintah Tetap Ketua Pengarah bilangan 6/2023 bagi mengelakkan manipulasi harga BPS di lapangan menerusi pembelian tanpa kawalan oleh pelbagai pihak.

"Penjualan BPS yang dipakejkan bersama racun khusus bagi varieti padi CL220 sebelum ini hendaklah dijual secara berasingan. Harga BPS bagi varieti

CL220 adalah pada harga maksimum RM40 di pintu gudang syarikat pengeluar dan RM45 di peringkat runcit," katanya.

Menurut beliau, kerajaan turut melakukan risikan dan penguatkuasaan secara berterusan bagi memastikan ketetapan harga tersebut dipatuhi sepenuhnya oleh semua pihak.

"Task Force OP BPS telah dilancarkan di peringkat zon Utara khusus di negeri Kedah dan Perlis bermula 7 November 2023. Setakat ini 20 lesen kebenaran runcit telah dibatalkan kerana menjual BPS melebihi harga kawalan yang ditetapkan," jelasnya.

Untuk rekod, keperluan BPS ketika ini adalah sebanyak 72,000 tan metrik atau 3.6 juta kampakit setahun.



KERATAN AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 13 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

Oleh Muhamad Lokman Khairi  
am@hmetro.com.my

BERAT PUTIH TEMPATAN NAIK HARGA?

## Keputusan belum pasti

Ipoh

Beras putih tempatan (BPT) naik harga kepada RM3.20 sekilogram daripada RM2.60 sekilogram? Belum pasti lagi.

Ini kerana, kerajaan perlu mengkaji terlebih dahulu cadangan menaikkan harga siling BPT kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram ketika ini, sebagaimana diutarakan oleh Badan Kawal Selia Padi dan Beras, kelmarin.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, penelitian terhadap impak kenaikan itu mesti diambilkira kerana sebarang keputusan akan memberi kesan kepada

**“Kena tengoklah sekiranya berlaku, pertama sekali, bagaimana berlaku bebanan terhadap pesawah, pemborong, pengilang dan pengguna. Kita (kerajaan) jadi penyeimbang”**

hampir 300,000 komuniti yang terabit dalam setiap rantaian iaitu pesawah, pengilang komersial, pemborong dan peruncit.

Oleh itu, jelas beliau, perkara berkenaan memerlukan perbincangan bersama antara Kementerian Kewangan

(MOF), Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).  
“Cadangan itu sedang dibincang sebab harga

(RM2.60 setiap satu kilogram BPT sejak 2008, jadi ada pihak katakan perlu kaji semula.

“Kena tengoklah sekiranya berlaku, pertama sekali, bagaimana berlaku bebanan terhadap pesawah,

pemborong, pengilang dan pengguna. Kita (kerajaan) jadi penyeimbang.

“MOF, Kementerian Ekonomi, KPKM dan KPDN akan duduk dan bincang dengan teliti keperluan serta cara pelaksanaannya,” katanya kepada media pada

Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPK) 2023 di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah di sini, semalam.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas kenyataan Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood, yang mengesyorkan kerajaan menaikkan harga siling BPT kepada RM3.20 sekilogram berbanding

RM2.60 sekilogram ketika ini, demi menjaga masa depan semua pihak yang terabit dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

Mohamad berkata, beliau berpandangan, perlu ada penyelesaian ‘menang-menang’ untuk semua pihak berkepentingan selain memastikan agenda keterjaminan makanan nasional sentiasa diutamakan.



MOHAMAD (dua dari kiri) beramah mesra bersama pengunjung pada jualan beras putih tempatan sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPK) 2023 di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, semalam. - Gambar NSTP/MUHAMAD LOKMAN KHAIRI

**KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

# Kerajaan kaji kesan naikkan harga beras tempatan

**Cadangan perlu perbincangan teliti mengenai keperluan, cara pelaksanaan**

Oleh Muhamad Lokman Khairi  
[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)

**Ipoh:** Kerajaan perlu mengkaji terlebih dahulu cadangan Badan Kawal Selia Padi dan Beras supaya harga siling beras putih tempatan (BPT) dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram ketika ini.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata impak

Harga siling BPT wajar dinaik kepada RM3.20 sekilogram



Keratan akhbar BH, kelmarin.

kenaikan itu mesti diambil kira kerana sebarang keputusan akan memberi kesan kepada hampir 300,000 komuniti yang terbabit dalam setiap rantaian berkenaan meliputi pesawah, pengilang komersial, pemborong dan peruncit.

Justeru, katanya, perkara berkenaan memerlukan penelitian serta perbincangan bersama antara Kementerian Kewangan (MoF), Kementerian Ekonomi, Kementerian Perdagangan Da-



Mohamad (dua dari kiri) beramah mesra bersama pengunjung pada Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2023 di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, Ipoh, semalam. (Foto Muhamad Lokman Khairi/BH)

lam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) serta Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM).

## Kerajaan jadi penyeimbang

Beliau berkata, perbincangan berkenaan antara lain akan melihat pandangan sebilangan pihak bahawa harga BPT RM2.60 sekilogram itu adalah kadar sejak 2008 dan perlu dikaji semula, selain mengkaji dari segi beban dihadapi pesawah, pemborong, pengilang serta pengguna.

"Kita (kerajaan) jadi penyeimbang. MOF, Kementerian Ekonomi, KPKM dan KPDN akan duduk serta berbincang dengan teliti mengenai keperluan dan cara pelaksanaannya," katanya kepada pemberita pada Hari

Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPK) 2023 di Dataran Bulatan Sultan Azlan Shah, di sini, semalam.

Beliau mengulas laporan BH, kelmarin, bahawa Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram berbanding RM2.60 sekilogram kini, bagi menjaga masa depan semua pihak yang terbabit dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

Kenaikan harga siling BPT penting bagi mengelak berlaku longgokan padi tempatan berikutan pengilang tidak lagi berminat meneruskan pembelian beras kerana harga yang rendah.

Keadaan itu sekali gus menyumbang kepada kerosakan padi boleh berlaku apabila pengilang menumpukan kepada penjualan beras putih import (BPI) kerana ia lebih menguntungkan.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood dipetik berkata penetapan harga siling BPT pada RM2.60 tidak disemak sejak 15 tahun lalu walaupun gaji minimum sudah dinaikkan sebanyak dua kali dalam tempoh itu.

Mengulas lanjut, Mohamad berkata, beliau berpandangan perlu ada penyelesaian 'menang-menang' untuk semua pihak berkepentingan, selain memastikan agenda keterjaminan makanan nasional sentiasa diutamakan.



**KERATAN AKHBAR : BERITA HARIAN**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

# Langkah bantu petani tangani peningkatan kos

**Kuala Lumpur:** Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) menyifatkan kenaikan harga siling beras putih tempatan (BPT) adalah kritikal bagi memberi keadilan buat komuniti rantaian beras di negara ini, khususnya petani yang berdepan kenaikan kos.

EXCO Tugas-Tugas Khas PeSAWAH, Abdul Rashid Yob, berkata tindakan kerajaan yang masih mengekalkan harga siling RM2.60 sejak belasan tahun lalu menyebabkan hanya petani yang menanggung beban kenaikan kos.

Beliau berkata, dengan mengambil kira perkembangan semasa, harga siling BPT perlu dinaikkan sedikit, apatah lagi Malaysia antara negara paling rendah yang menetapkan harga terbahit ketika ini.

"Sememangnya harga siling BPT perlu dinaikkan seiring perkembangan semasa dan PeSAWAH menyokong kenaikan ini. Kos input pertanian kini tinggi dan apabila kerajaan mengekalkan harga RM2.60, ia memberi impak kepada petani.

"Walaupun petani diberikan subsidi tapi ia tidak berupaya menampung kos yang tinggi.

Kalau kita tengok sawit, dengan kenaikan kos bahan mentah dan input pertanian, harga sawit naik di pasaran.

"Ia bermaksud kos kenaikan itu dirasai semua termasuk rakyat tetapi dalam aspek padi, hanya petani yang terpaksa menanggungnya... ini tidak adil," katanya kepada *BH*, di sini.

Sebelum ini, *BH* melaporkan Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 berbanding RM2.60 ketika ini bagi menjaga masa depan semua pihak yang terbabit dalam rantaian pengeluaran bahan makanan itu, terutama pesawah.

Kenaikan harga siling BPT penting bagi mengelakkan berlaku longgokan padi tempatan berikutan pengilang tidak lagi berminat meneruskan pembelian beras kerana harga yang rendah.

Rashid berkata, peningkatan kos terpaksa ditanggung petani membabitkan dari aspek racun, jentera, kos upah, yang mana ia bersifat dominan, sekali gus tidak pernah merekodkan penurunan.

Katanya, kos untuk sehektar

bagi petani membangunkan sawah pafi ialah RM3,000 hingga RM3,500 dengan sasaran hasil ditetapkan ialah tujuh metrik tan sehektar.

"Walaupun adanya subsidi, contohnya dalam aspek racun, namun ia hanya dapat menampung 20 peratus sahaja kos, yang lain terpaksa ditampung petani.

"Namun kalau petani dapat lima metrik tan, secara keseluruhan pendapatan mereka adalah RM6,500 dan apabila ditolak dengan kos, mereka memperoleh pendapatan kita-kira RM3,000 sahaja.

"Jika dibahagi dalam tempoh enam bulan, petani hanya memperoleh pendapatan RM500 sahaja sebulan," katanya.

Beliau berkata, jika harga siling BPT ditetapkan pada RM3.20, pengilang akan membeli padi mentah antara harga RM1,500 hingga RM1,600 setiap tan.

Sehubungan itu, katanya, pendapatan petani akan meningkat kepada RM7,500 berbanding RM6,500 sebulan ketika ini bagi setiap hasil lima metrik tan, sehektar.

Pada masa sama, Rashid ber-

kata, harga pasaran padi dan beras kini naik terutamanya dalam kalangan negara pengeluar sendiri, namun Malaysia sehingga kini menjadi negara yang mempunyai harga siling paling rendah.

Beliau berkata, kenaikan harga siling juga dapat mengelakkan penipuan terhadap penukaran kampil beras daripada BPT kepada beras putih import (BPT) disebabkan harga sudah diselarasakan.

## Ibadat & Faidat

Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda: Apabila seseorang di antara kamu bangun daripada tidurnya, lalu berwuduk, maka hendaklah menyemburkan air daripada hidung (membersihkan hidungnya) tiga kali, kerana sesungguhnya syaitan bermalam pada lubang hidungnya. (HR Bukhari)

KAWASAN	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
Kangar	5:56	1:05	4:26	6:59	8:12
Alor Setar	5:56	1:05	4:26	7:00	8:12
P. Pinang	5:55	1:05	4:26	7:01	8:13
Ipoh	5:52	1:03	4:24	6:59	8:11
Kuala Lumpur	5:48	1:00	4:22	6:58	8:11
Shah Alam	5:48	1:00	4:22	6:58	8:11
Johor Bahru	5:37	12:52	4:13	6:52	8:04
Kuantan	5:42	12:55	4:16	6:53	8:05
Seremban	5:46	12:59	4:21	6:58	8:10
Bandar Melaka	5:44	12:58	4:19	6:57	8:09
Kota Bharu	5:49	12:58	4:19	6:52	8:01
K. Terengganu	5:44	12:54	4:15	6:50	8:02
Kota Kinabalu	4:54	12:04	3:25	5:59	7:11
Kuching	5:12	12:27	3:48	6:27	7:39

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 13 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

# Timba 1,001 ilmu baharu sempena HPPNK 2023

Ekspo pertanian kedua terbesar negara raih perhatian golongan muda ceburi industri makanan

Oleh NORMAWATI ADNAN IPOH

Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, di sini, terus dibanjeri ribuan pengunjung yang hadir memeriahkan Sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 yang melabuhkan tirai pada Ahad.

Cuaca panas pada sebelah pagi dan mendung pada petang hari tidak menghalang orang ramai mengunjungi reruai pameran disediakan sambil membeli dan berhibur termasuk menimba pengetahuan baharu berkaitan industri pertanian negara.

Ekspo pameran dan jualan pertanian kedua terbesar negara yang berlangsung selama tiga hari sejak Jumaat mendapat sambutan luar biasa dengan kehadiran lebih 500,000 pengunjung.

Bertemakan "Keterjaminan Makanan Untuk Masa Depan", HPPNK kali ini buat julung-julung kalinya juga menampilkan Agro Millenia sebagai daya tarikan khusus untuk golongan orang muda.



Isyraf Syed Mahathir, 12, tidak melepaskan peluang memegang anak itik di Laman Ternakan HPPNK 2023.



Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Fadillah Yusof menandatangani plak rajah karnival selepas merasmikan HPPNK 2023 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya di Ipoh.



Habsah Mahamad, 54, (kanan) dari Teluk Intan membeli beras putih tempatan pada harga RM26 bagi kampil 10 kilogram sempena Jualan Agro Madani.



Pengunjung tertarik melihat setandan pisang berangan seberat 25 kilogram yang dihasilkan menerusi benih kultur tisu.



Persembahan kereta berbias daripada kontinjen Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) pada acara Agro Madani Light.



Pengaplikasian teknologi baharu seperti dron dalam sektor pertanian menarik perhatian pengunjung terutama kanak-kanak.



Bawang adalah antara produk yang paling laris dijual sepanjang Jualan Agro Madani HPPNK 2023.



KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN

TARIKH : 13 NOVEMBER 2023

PERKARA : ISU SEMASA

## HPPNK catat jualan hampir RM3 juta

Kehadiran lebih 500,000 pengunjung adalah di luar jangkauan

Oleh SAIFULLAH AHMAD dan NOOR AINON MOHAMED YUSOF IPOH

Penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) berjaya mengumpul nilai jualan sebanyak RM2,675,607 setakat jam 12 tengah hari Ahad.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, seramai 452,647 pengunjung hadir sejak dibuka Jumaat lalu manakala 36,015 individu lagi direkodkan secara dalam talian. "Jumlah transaksi ini mem-

buktikan rakyat datang berkunjung ke HPPNK untuk mendapatkan barangan keperluan asas yang dijual dengan harga berpatutan selain menikmati setiap fokus dan segmen dipamerkan.

"Saya yakin sampai malam nanti jumlah pengunjung lebih 500,000, melebihi daripada apa yang kita jangkakan," katanya ketika Majlis Penutupan HPPNK 2023 bertemakan 'Keterjaminan Makanan Untuk Masa Depan' di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, di sini.

Hadir sama, Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Lokman Hakim Ali; Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Datuk Mahfuz Omar dan Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Muhammad Faiz Fadzil.

Menurut Mohamad, kehadiran pengunjung adalah bukti sokongan mereka terhadap liti-



Mohamad (tengah) menyampaikan hadiah kepada juara pertandingan pakaian beragam sempena HPPNK 2023.

zam Kerajaan Perpaduan dalam menghargai jasa dan sumbangan peladang, penternak dan nelayan.

"Mereka adalah wira negara yang sentiasa berusaha memastikan bekalan makanan negara cukup dan terjamin," katanya.

Mohamad berkata, Agro Madani mempamerkan pelbagai produk jualan keperluan asas harian dan hasil pertanian.

"Ada 3,000 bakul agromadani, lebih 9,000 kampak beras 10 kilogram berharga RM26 sekampak dan 270,000 biji telur. "Selain itu terdapat 200 ge-

rai dan lot gerai Agro Madani, empayar makanan, industri asas tani dan flori-kultur serta pelbagai lagi yang menarik," katanya.

Tambahnya, pengisian baru pada HPPNK 2023 yang menarik dan memukau pengunjung adalah *Madani Agro Light (Agro Parade Night)*.

"Pengisian ini mempamerkan pelbagai kenderaan dan aset digunakan jabatan dan agensi di bawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang dihias lampu dan dekorasi menarik," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad berkata, pihaknya akan mengadakan pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) di Selangor pada November tahun hadapan.

"Lepas ini MAHA akan diadakan di Serdang membabitkan penyertaan dari dalam dan luar negara," katanya.



**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

## Kagum lihat jentera moden pertanian

**IPOH** - Penganjuran Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 memberi impak kepada orang ramai mengenai kepentingan sektor agromakanan sebagai agenda penting negara.

Empat fokus utama dibawa iaitu Agro Millenia, Agro Teknologi dan Inovasi, Sejahtera Madani dan Agro Madani memberi ruang kepada semua lapisan masyarakat menghargai sumbangan peladang, penternak dan nelayan dalam memastikan keterjaminan bekalan makanan negara.

Ruang pameran dan jualan disediakan bukan sahaja memberi kesempatan kepada pengunjung menikmati makanan dan mendapatkan hasil pertanian, malah memperolehi ilmu pengetahuan serta maklumat mengenai bantuan pertanian atau perniagaan disediakan kerajaan dan agensi berkaitan.

Tinjauan *Sinar Harian* mendapati, pengunjung kagum dengan pendekatan HPPNK 2023 yang disifatkan berprestij dan berada dalam kelas tersendiri.

Bekas pembantu Veterinar, Wong Kam Kin, 63, berkata banyak informasi dan input baharu mengenai pertanian dan penternakan diperolehinya ketika berkunjung ke karnival berkenaan.

Dia yang bergiat aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO) berhasrat mengaplikasikan teknik baharu tanaman di sekolah dan komuniti setempat supaya lebih



**Karnival HPPNK yang juga ekspos pameran dan jualan pertanian kedua terbesar negara mendapat sambutan luar biasa dengan kehadiran lebih 500,000 pengunjung dari seluruh negara.**

berdaya saing.

"Semua yang ada sini adalah profesional, jadi sudah tentu kita dapat informasi tepat.

"Kalau dulu kita didedahkan ilmu ternak sahaja. Sekarang selain menternak, mereka mengajar cara promosi dan pasarkan produk," katanya.

Bagi Teridi Harun, 73, dia gembira dapat membeli banyak pokok benih seperti kelapa pandan, durian belanda dan limau yang dijual jauh lebih murah berbanding di luar.

"Pameran ini lengkap, satu hari tak cukup nak jalan tengok semua. Saya pernah ke HPPNK sebelum ini tetapi kali ini lebih meriah.

"Ada yang jual anak pokok, produk industri, beras, pameran, khidmat nasihat sampailah ke pameran

ternak. Semuanya ada," katanya.

Penuntut universiti, R Mahaletchmi, 25, dari Sungai Siput pula kagum dengan teknologi dan inovasi terkini dalam pertanian.

Katanya, langkah itu menunjukkan industri pertanian negara setanding negara maju untuk membantu petani menghasilkan produk yang lebih produktif.

"Jujurnya saya tak pernah tengok mesin dan jentera canggih seperti yang ada di pameran ini.

"Saya rasa anak muda yang melihat pun akan buka mata mereka untuk menceburi bidang pertanian," katanya.

Kali terakhir HPPNK diadakan adalah pada 2019 iaitu sebelum pandemik Covid-19 melanda negara.

**KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN**

**TARIKH : 13 NOVEMBER 2023**

**PERKARA : ISU SEMASA**

# Syor naikkan harga siling BPT dikaji

Kerajaan perlu cari situasi menang-menang kerana melibatkan banyak pihak

Oleh **NOOR AINON MOHAMED YUSOF**  
IPOH

**K**erajaan masih mengkaji cadangan kenaikan harga siling beras putih tempatan (BPT) daripada RM2.60 kepada RM3.20 sekilogram.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, perbincangan dijalankan bersama beberapa kementerian lain bagi memastikan keseimbangan semua pihak dalam rantaian pengeluaran beras negara.

"Kena bincang kerana harga kini

merupakan harga 2008. Ada pihak mengatakan perlu dikaji semula dan kita tengoklah kerana kalau berlaku (kenaikan) bebannya bukan kepada satu pihak sahaja iaitu pesawah.

"Kita juga kena mempertimbangkan pemborong, pengilang dan pengguna," katanya ketika menghadiri Jualan Kombo Madani sempena sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2023 di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya di sini pada Ahad.

Mohamad berkata, perbincangan melibatkan Kementerian Kewangan, Kementerian Ekonomi serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

"Kita di peringkat kementerian selalu bermesyuarat dan berbincang perkara ini kerana yang penting adalah situasi menang-menang semua pihak.

"Perkara ini akan diteliti sebelum satu keputusan dibuat," jelasnya.

Terdahulu, media melaporkan Badan Kawal Selia Padi dan Beras mendapati harga siling BPT wajar dinaikkan kepada RM3.20 sekilogram bagi menjaga masa



Mohamad (kiri) menjual beras tempatan kepada Mohd Faiz Junus, 38, sempena sambutan HPPNK 2023 di Ipoh pada Ahad.

depan semua pihak yang terlibat dalam rantaian pengeluaran bahan makanan terutama pesawah.

Kenaikan harga siling BPT penting bagi mengelak berlakunya longgokan padi tempatan.

Ketua Pengarah Kawal Selia Padi dan Beras, Datuk Azman Mahmood berkata, penetapan harga siling BPT tidak disemak sejak 15 tahun lalu walaupun gaji minimum sudah dinaikkan dua kali sepanjang tempoh itu.



**KERATAN AKHBAR** : THE STAR  
**TARIKH** : 13 NOVEMBER 2023  
**PERKARA** : ISU SEMASA

# Seed strategy bolsters supply



**Planting season:** The activity of sowing rice seeds is vigorous when the rice planting season begins in Kedah and Perlis even though the price of rice seeds has slightly increased from previous seasons. The selected rice seeds will be filled into a sack and soaked in water for several days. After soaking, the rice seeds are lifted and evaporated for the germination process of buds and roots which are then sown into the prepared nursery plots. — Bernama

## Having padi seeds reach farmers directly will solve the problem

By **KHOO GEK SAN**  
geksan@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** The surge in padi seed prices is not only a huge burden on farmers, but may potentially affect supply in the near future. A move to have seeds reach farmers directly is the solution.

Legal padi seeds are to be sold directly to the Regional Farmers' Organisation (Pertubuhan Peladang Kawasan or PPK) and rice farmers from Oct 11, based on a directive by the Agriculture and Food Security Ministry.

The order was issued to ensure sufficient supply for the padi planting season, said Datuk Chan Foong Hin.

The Deputy Agriculture and

Food Security Minister also said the approval process for 12 legal rice seed producers has been put in place, in accordance with the standard operating procedure, before the seeds reach the farmers.

"A further boost came with the approval of an additional quota of 112,260 seed trowels of 20kg on Nov 10, specifically for Kedah and Perlis," he said in a statement on Saturday.

The ministry also seeks to guarantee reasonable pricing for rice seeds, setting a maximum selling price of RM40 per 20kg seed trowels at the producing company and RM45 at the retail price, he added.

"This move is aimed at countering potential price manipulation," he said.

Chan's statement came following media reports of the difficulties encountered by local padi farmers, which include erratic weather and a shortage in the supply of padi seeds, causing their price to shoot up.

All this may hamper the farmers' efforts to increase harvest to five times instead of four every two years.

He said in a move towards greater transparency, legal rice seeds, specifically the CL220 variety, that are packaged with specific pesticides, must now be sold separately.

The price for this variety has been set at the same maximum levels.

"Monitoring and enforcement

are constantly being prioritised to ensure price compliance," he said.

He added that 20 retailers selling legal rice seeds (BPS) above the price set by the government had been identified and their licences were immediately revoked.

Under the Control of Padi and Rice Act 1994, the ministry holds the power to cancel or suspend the licences of any parties found in breach of the rules.

Chan said the ministry considers all submitted complaints seriously and is working hard to ensure the supply and price of legal rice seeds remain reasonable and sustainable.

The required annual supply of legal rice seeds is 72,000 tonnes or 3.6 million seed trowels.



**KERATAN AKHBAR : THE STAR**  
**TARIKH : 13 NOVEMBER 2023**  
**PERKARA : ISU SEMASA**

## 'Ceiling price call for local rice to involve other ministries'

By ILI AQILAH  
iliaqilah@thestar.com.my

**IPOH:** Discussion on any decision to increase the ceiling price of local white rice will involve several other ministries, says the Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu.

He said the current ceiling price of rice was last reviewed in 2008.

"There have been suggestions to increase the ceiling price. So, we will discuss it while making

sure there is a balance between those involved in the food production chain such as padi farmers, traders and consumers.

"Among the ministries involved are the Economy and Finance Ministries, as well as our own," he told reporters at the 2023 National Farmers, Breeders and Fishermen's Day at Bulatan Sultan Azlan Shah here yesterday.

Mohamad said he would need to take a look at all the opinions given by the experts before mak-

ing a decision on the ceiling price.

"I need to see what the economic experts say first. It depends on them. We always have meetings on food security and, rest assured, this issue will be brought to the meeting soon.

"Hopefully, we can come up with a win-win solution for everyone," he added.

He was responding to a report quoting the Padi and Rice Regulatory Division in his ministry, which found that the ceiling price

for local white rice should be increased to RM3.20 per kg compared to the current RM2.60 per kg to make sure that the future of all involved parties is secure, including the farmers.

The division said the increased price would help prevent a stockpile of local rice.

On another matter, Mohamad said the event attracted nearly 500,000 visitors. The three-day event began on Friday, with an initial target of 350,00 visitors.